

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 7 OGOS 2014 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Fuji Xerox sasar tingkat 30 peratus perolehan	Utusan Malaysia
2	150 mayat sempurna selesai dibedah siasat	Berita Harian
3	Tauke jual produk kesihatan beracun	Harian Metro
4	MH17: Belum ada mayat rakyat Malaysia dikenal pasti	Utusan Malaysia
5	Water rationing D-Day today	The Sun
6	Komited pastikan bekalan air cukup	Sinar Harian
7	Local contributor to haze	The Sun
8	DOE says visibility issues due to humidity, not haze	The Malay Mail
9	Gempa bumi kuat landa laut Banda, Indonesia	Bernama.com
11	Angin kencang barat daya dijangka berterusan sehingga sabtu ini	Bernama.com
12	Dzulkifli sandang Kursi Mohd Yassin Muhammad USIM	Berita Harian
13	USIM lantik Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak penyandang kursi kepimpinan islam	Bernama.com

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (BISNESS) : MUKA SURAT 18  
TARIKH : 7 OGOS 2014 (KHAMIS)**



**ABU Bakar Mohamad Diah (tiga kiri) bersama Yoshio Hanada (tiga kanan) melakukan gimik Pelancaran Fuji Xerox Versant 2100 di Kuala Lumpur, semalam.** - UTUSAN/IRWAN MAJID

## Fuji Xerox sasar tingkat 30 peratus perolehan

Oleh **NUR HANANI AZMAN**  
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 6 Ogos - Fuji Xerox Asia Pacific Pte. Ltd. (Fuji Xerox), menyasarkan peningkatan perolehan sebanyak 30 hingga 40 peratus pada tahun ini daripada RM400 juta yang dicapai tahun lalu.

Pengurus Besar Strategi Perancangan dan Pemasaran Fuji Xerox, S. Thevendran berkata, peningkatan itu bakal disumbangkan oleh penjualan produk baharu yang dilancarkan, mesin pencetak digital warna penuh Versant 2100 Press.

Katanya, jualan produk tersebut bakal menyumbang sebanyak

10 peratus kepada jumlah perolehan bagi tahun 2014.

"Kami yakin model baharu ini akan mendapat sambutan baik daripada pasaran pencetak profesional terutamanya dalam kalangan syarikat penerbitan,"

"Sehubungan itu, Fuji Xerox menjangkakan mesin pencetak Versant 2100 Press ini boleh terjual kira-kira 20 unit dalam tempoh setahun," katanya pada sidang akbar selepas majlis pelancarannya di sini hari ini.

Majlis tersebut dilancarkan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah. Turut hadir, Presiden Fuji Xerox (Malay-

sia), Yoshio Hanada.

Versant 2100 Press dijual dengan harga bermula daripada RM500,000 sehingga RM700,000 seunit dan mampu mencetak sehingga 100 helai kertas seminit.

Model baharu berkenaan memperkuuhkan portfolio pencetak warna pengeluaran Fuji Xerox dengan platform teknologi baharu dihasilkan pakar komunikasi grafik dalam percetakan komersial, cetakan cepat dan segmen dalaman.

Fuji Xerox sentiasa komited dalam membangunkan penyelesaian percetakan lebih pintar dalam membantu pengguna memaksimumkan produktiviti di samping menjimatkan kos.

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 03**  
**TARIKH: 07 OGOS 2014 (KHAMIS)**

# 150 mayat sempurna selesai dibedah siasat

**Putrajaya:** Pasukan Pengecaman Mangsa Bencana (DVI) di Kem Tentera Hilversum, Belanda, sudah menjalankan bedah siasat terhadap 150 mayat sempurna dan 300 anggota pelbagai badan mangsa naas pesawat MH17 sehingga kelmarin.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata daripada 226 keranda yang selesai dibuka ada 600 bahagian dan pemeriksaan telah dibuat ke atas 450 bahagian iaitu 150 ialah mayat sempurna, manakala 300 pula anggota pelbagai badan tidak sempurna.

Subramaniam yang memaklumkan perkara itu semalam, berkata satu keranda yang baru tiba di Hilversum, Isnin lalu, kini sedang dalam proses bedah siasat.

"Jangkaannya dalam seminggu dua ini semua pemeriksaan (bedah siasat) siap dijalankan, selepas itu proses mengenal pasti (pemadanan) akan dijalankan daripada keputusan DNA yang kita hantar dari ahli keluarga terdekat," katanya pada pada sidang media sebelum mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet kementeriannya di sini, semalam.

Beliau berkata, proses mengenal pasti mangsa mayat pula dijangka siap selewat-lewatnya dalam tiga minggu lagi.

"Ketika ini, pasukan DVI Malaysia bersama Pasukan DVI antarabangsa berada dalam fasa pemadanan data ante mortem (pemeriksaan tanda luaran berdasarkan pakaian, rantai atau cincin, tanda lahir dan tatu) dan hasil bedah siasat bagi tujuan pengesahan identiti mangsa secara positif," katanya.

#### **24 kakitangan pasukan DVI**

Pasukan DVI Malaysia membabitkan 24 kakitangan Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertahanan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan **Jabatan Kimia**.

"Dalam tempoh dua atau tiga minggu lagi mungkin se-

mua 600 mayat dan anggota pelbagai badan yang sudah dikenal pasti dapat disahkan identitinya dan kemudian keputusan akan dibuat berhubung urusan membawa pulang jenazah.

"Mungkin ada mayat atau anggota badan dapat dikenal pasti awal, ada yang mungkin mengambil masa dan ada juga mangsa yang mungkin tidak ditemui langsung mayat, anggota badan atau cebisananya... kita tidak akan tahu sehingga semua proses selesai," katanya.

Lima pasukan berbeza terbabit dalam proses pengumpulan, pengecaman, bedah siasat, pemadanan dan pengesahan identiti mangsa naas MH17. Tugas pasukan Malaysia adalah terhad khusus kepada proses bedah siasat.

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 32**  
**TARIKH: 07 OGOS 2014 (KHAMIS)**

## Tauke jual produk kesihatan beracun

**Kuala Lumpur:** Seorang saudagar ubat dijatuhi hukuman penjara lima hari dan denda RM88,000 oleh Mahkamah Majistret di sini kelmarin selepas didapati bersalah atas 44 memiliki dan menjual produk kesihatan mengandungi racun berjadual.

Solikan Juri, 44, yang juga pemilik syarikat jualan ubat-ubatan itu ditahan pada 17 April tahun lalu selepas Bahagian Penguat Kuasa Farmasi Kuala Lumpur (CPFKL) membuat serbuan di premisnya di Jalan Raja Bot, Chow Kit.

Menurut pegawai pendakwa CPFKL, pihaknya sebelum ini membuat serbuan selepas menerima aduan awam berhubung kesan negatif penggunaan ubat yang dibeli dari kedai suspek.

"Majistret menjatuhkan hukuman penjara lima hari dan denda RM2,000 atas setiap pertuduhan. Bagaimanapun bagi hukuman penjara itu mahkamah memerintahkan ia berjalan serentak," katanya.

Katanya, ketika serbuan dijalankan, suspek akur

apabila diminta membawa ke stor simpanannya untuk pemeriksaan lanjut.

"Pemeriksaan di dalam stor berkenaan menemui pelbagai jenis ubatan yang disyaki mengandungi racun berjadual berikut ia tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Siasatan lanjut mendapat sampel yang dihantar untuk ujian makmal bagi mendapatkan kelulusan berbeza dengan ubat yang dijual jelas menunjukkan suspek mungkin mencampurkan racun bagi mendapatkan kesan yang mujarab," katanya.

Katanya, semua ubatan yang dirampas dihantar ke makmal Jabatan Kimia, KKM untuk mengenalpasti kandungannya dan ia disahkan mengandungi racun berjadual dan antara produk itu termasuk ubat seks dan minuman pelangsing badan.

Katanya, tertuduh ditanah mengikut Seksyen 13 (a) Akta Racun 1952 dan Peraturan 7 (I) (a) Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 5**  
**TARIKH : 7 OGOS 2014 (KHAMIS)**

# MH17: Belum ada mayat rakyat Malaysia dikenal pasti

PUTRAJAYA 6 Ogos - Kementerian Kesihatan mengesahkan bahawa masih belum ada mayat penumpang dan anak kapal pesawat MH17 rakyat Malaysia yang dikenal pasti semasa proses pengecaman dilakukan di Kem Tentera Hilversum, Amsterdam, Belanda.

Menterinya, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, proses pengecaman identiti mengambil masa yang lama kerana perlu menunggu proses pemadanan anggota badan mangsa yang terlibat.

Beliau berkata, proses tersebut dijangka diselesaikan dalam masa dua hingga tiga minggu lagi sebelum mayat yang dikenal pasti dibawa pulang ke Malaysia untuk diserahkan kepada ke-

luarga masing-masing.

"Dalam fasa pertama pengecaman, sehingga semalam sebanyak 226 keranda telah selesai dibuka dan diperiksa bagi tujuan bedah siasat, dalam keranda berkenaan berkesempatan ada satu atau dua mayat.

"Hasil pemeriksaan lanjut, dalam 226 keranda berkenaan terdapat 600 anggota badan, 450 daripadanya telah diperiksa dan didapati terdapat 150 mayat dalam keadaan sempurna manakala 300 anggota badan yang tidak sempurna," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Menurut Subramaniam, satu keranda yang baru tiba di Kem Tentera Hilversum pada 4 Ogos lalu masih

dalam proses bedah siasat.

Selain itu, katanya, kementerian melalui Pusat Kesiapsiagaan dan Respons Kebangsaan (CPRC) akan terus memantau dan menyelaraskan kesemua aktiviti yang berkaitan kejadian naas pesawat MH17.

"Buat masa ini pasukan penyiasatan dan pengecaman mangsa bencana (DVI) Malaysia yang terdiri daripada 24 kakitangan kementerian, Kementerian Pertahanan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan **Jabatan Kimia** masih lagi berada di Kem Tentera Hilversum untuk menjalankan DVI.

"Buat masa ini, pasukan DVI Malaysia bersama-sama dengan pasukan DVI antarabangsa yang lain berada dalam fasa pemadanan data selain melakukan pemeriksaan antemortem dan bedah siasat bagi tujuan pengesahan secara positif identiti mangsa," katanya.



**S. SUBRAMANIAM**

KERATAN AKHBAR  
THE SUN (NEWS WITH BORDERS) : MUKA SURAT 6  
TARIKH: 7 OGOS 2014 (KHAMIS)

## Water rationing D-Day today

**SHAH ALAM:** Selangor residents will only know today if there is going to be another water rationing exercise.

Although the water level at the Sungai Selangor dam was at 32% yesterday – a figure not far from its critical level of 30% – state youth and sports, infrastructure and public amenities committee chairman Dr Ahmad Yunus Hairi said the water rationing issue will only be discussed during the Selangor Economy Action Council meeting today.

He said any decision on the matter will only be announced after the meeting.

"Until then, all previous mitigation measures announced by the state government will continue and these include the

reduction of water released from the Sungai Selangor dam to 700 million litres per day (mld) and Sungai Tinggi dam to 500mld, pumping water from ponds as well as cloud-seeding activities at all the dam catchment areas in the state," he said after the weekly state executive meeting yesterday.

On the issue of the quality of water from ponds, Ahmad Yunus said that based on analysis by the Chemistry Department as of July, the heavy metals detected were below the permissible level.

"The current supply of raw water from ponds is sufficient for the next five months, until the northeast monsoon season that is expected to bring high-volume rainfall," he said, adding that security at pond-pumping facilities has been enhanced with cooperation from the police and Rela personnel to prevent sabotage.

INDONESIA LIKENED  
TO NORTH KOREA

PAGE 10

## Komited pastikan bekalan air cukup

Kerajaan Negeri Selangor ambil beberapa langkah berterusan termasuk operasi pemberian awan



AHMAD YUNUS

**SHAH ALAM** - Kerajaan negeri terus komited dalam memastikan bekalan air mentah dapat disalurkan kepada pengguna dengan mencukupi dan terus mengambil langkah berterusan bagi mengelakkan berlakunya gangguan bekalan air.

Exco Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, kerajaan negeri mengambil langkah berterusan termasuk mengurangkan kadar pelepasan air di Empangan Sungai Selangor kepada 700 juta liter sehari (JLH) dan Empangan Sungai Tinggi kepada 500 JLH.

Tambahnya, hasil pensampelan kualiti air kolam alternatif yang dijalankan oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) dan dianalisa oleh pihak Jabatan Kimia Malaysia (JKM) sehingga bulan Julai 2014 juga menunjukkan parameter logam berat berada di bawah paras dibenarkan.

"Semua keputusan analisa tersebut akan dimuat naik berperingkat setelah diterima daripada pihak JKM dan boleh diakses melalui portal Lembaga Urus Air Selangor (Luas).

"Kuantiti air kolam alternatif yang dikenal pasti juga mampu membekalkan air mentah untuk tempoh lima

"Buat masa ini, bekalan air mentah ke loji pembersihan air (LPA) dibantu dengan pengepaman air kolam alternatif ke dalam sungai dengan pengeluaran 500 JLH dan jumlah ini akan ditingkatkan kepada 800 JLH dengan penambahan bilangan pam mulai 8 Ogos ini.

"Selain itu, operasi pemberian awan juga dilakukan secara berterusan dengan kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) **Jabatan Meteorologi Malaysia (MET)** dan syarikat AF Jet Sdn Bhd di seluruh kawasan tadahan di Selangor," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

bulan sehingga bulan Oktober yang mana perubahan Monsun Timur Laut akan berlaku," katanya.

Selain itu, langkah keselamatan operasi pengepaman air kolam alternatif telah ditingkatkan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) yang mengawal ketat operasi serta sentiasa bersiap siaga.

"Bilik Gerakan Operasi Kolam yang diwujudkan di kawasan berdekatan juga telah beroperasi 24 jam untuk memastikan operasi pengepaman air kolam berjalan dengan lancar tanpa gangguan," katanya.

KERATAN AKHBAR  
THE SUN (NEWS WITH BORDERS) : MUKA SURAT 6  
TARIKH: 7 OGOS 2014 (KHAMIS)

## Local contributor to haze

BY TEH HUI MEAN  
AND TIMOTHY ACHARIAM  
[newsdesk@thesundaily.com](mailto:newsdesk@thesundaily.com)

**PETALING JAYA:** Factors occurring within the country may be contributing to the current haze situation.

Figures from the Department of Environment on Aug 4 show that there have been 4,427 cases of open burning this year, with the highest number in Selangor. These comprise fires at forests, construction sites, landfills and open burning.

The air pollutant index (API) reading in Port Klang reached a peak of 116 yesterday while 31 areas registered good air quality and 19 other locations had moderate readings.

"The high API in Port Klang is most likely due to opening burning near the area," said Meteorology Department scientist Mohd Hisham Mohd Anip.

A change of wind direction from

ASYRAFRASID/THE SUN



Shah Alam in Selangor was partly affected by haze yesterday.

south-west to east-west is also expected later in the week, he said.

"The change of wind direction will blow away the smoke coming from Indonesia," he added.

As of Aug 4, there were 18 hotspots in Sumatra, 42 in Indonesia and 33 in Kalimantan. In Malaysia, there were 24 hotspots in Sarawak, 17 in Sabah and one in Selangor.

**KERATAN AKHBAR**  
**THE MALAY MAIL (NEWS) : MUKA SURAT 14**  
**TARIKH: 7 OGOS 2014 (KHAMIS)**

## DOE says visibility issues due to humidity, not haze

PETALING JAYA — The "haze" in areas with low Air Pollutant Index (API) readings is because of high humidity levels, the Department of Environment (DOE) said yesterday.

"API levels are calculated based on the five major air pollutants — sulphur dioxide, nitrogen dioxide, carbon monoxide, ground level ozone, and particulate matter," DOE director-general Datuk Halimah Hassan said.

"Sometimes, although the amount of particulate matter is at a minimum, high humidity levels make the area seem hazy."

Halimah said the amount of haze in any given place depended on the location of the hotspots, wind direction and speed.

She was responding to reports of low visibility in certain areas in the Klang Valley yesterday, especially in Subang Jaya and Shah Alam.

Meteorological Department officer Ambung Dindang said the super typhoon "Halong", which contributed to the clear

By Alexander Winifred  
alexander@mmail.com.my

skies earlier this week, was no longer affecting Malaysian weather.

He said when the typhoon was near the Philippines, it had played a role in dispersing the haze particles as it was closer to Malaysian skies.

"Now, it has moved too far to have an impact on our region as it is moving closer towards Japan," he said.

Dindang said the Klang Valley would be free from haze until the weekend, and weather forecasts had predicted rainfall throughout the country.

As of 5pm yesterday, all areas nationwide recorded good to moderate API readings, except for Port Klang, which posted a reading of 115.

Most areas recorded normal levels of visibility throughout the day with the exception of Petaling Jaya (8km), Kuantan

(4km), Butterworth (7km), Kota Baru (9km) and Malacca (8km) based on the 5pm readings.

A normal visibility range is 10km.

On Tuesday, the Singaporean Parliament unanimously passed the Transboundary Haze Pollution Act 2014, which imposes a fine of up to S\$2 million (RM5.1 million) on companies found to cause or contribute to haze in Singapore.

*The Straits Times* quoted Environment and Water Resources Minister Vivian Balakrishnan as saying the penalties in the law could be revised further if they were found to be ineffective as deterrents.

Balakrishnan said the law would also enable individuals or companies to sue perpetrators with no cap on damages.

To enforce the law on companies based overseas, she said the Singapore National Environment Agency and the Immigration and Checkpoints Authority would work in tandem to serve notice to a firm's representative when they are in the country.

In addition, Singaporean public prosecutors could apply for a court order to require the representative to remain in the country to assist investigations.

The bill was first proposed in 2013 after haze from Indonesian fires caused Singapore to experience its worst haze in history.

Global research organisation World Resources Institute's forest programmes director, Dr Nigel Sizer, lauded the law as a new way for governments to address forest and peat fires.

"It sends a powerful message that those who burn land and forests illegally will be held accountable," he said.

"In particular, any companies caught using fire illegally now face the massive risk of being dragged into court in Singapore as soon as their executives step foot on the island."

The institute, which focuses on climate change research, provides near real-time analysis and data to monitor and respond to forest and land fires.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 7 OGOS 2014 (KHAMIS)**



## **Gempa Bumi Kuat Landa Laut Banda, Indonesia**

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.3 pada Skala Richter melanda Laut Banda, Indonesia malam ini.

Menurut [\*\*Jabatan Meteorologi Malaysia\*\*](#) gempa bumi itu yang berlaku pada 7.45 malam dikesan pada 7.4 darjah ke selatan dan 128.2 darjah ke timur, kira-kira 411 km barat daya Ambon, Indonesia dan 1,697 km tenggara Semporna, Sabah.

Bagaimanapun, gempa itu tidak menimbulkan ancaman tsunami, menurut laman web jabatan.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 7 OGOS 2014 (KHAMIS)**



## **Angin Kencang Barat Daya Dijangka Berterusan Sehingga Sabtu Ini**

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Angin kencang Barat Daya dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter yang berlaku di kawasan perairan Phuket, Condore, Reef North, Layang-Layang dan Palawan dijangka berterusan sehingga Sabtu ini.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi**, keadaan angin kencang dan laut bergelora ini adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

Sementara itu keadaan ribut petir di perairan Kelantan yang menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak sehingga 3.5 meter pula dijangka berterusan sehingga awal pagi esok.

-- BERNAMA

# Dzulkifli sandang Kursi Mohd Yassin Muhammad USIM

**Nilai:** Tokoh akademik pengajian tinggi tersohor negara, Prof Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak (**gambar**) dilantik sebagai penyandang kursi akademik Kepemimpinan Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Kursi, yang ditubuhkan dengan kerjasama Yayasan Nurul Yaqeen yang membiayai dana kursi RM500,000, dinamakan sebagai Kursi Mohd Yassin Muhammad iaitu bapa kepada Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Pengurus Yayasan Nurul Yaqeen.

## Pelantikan mulai 4 Ogos

Timbalan Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

(FKP) USIM, Prof Madya Dr Yahya Mohamed Ariffin, berkata pelantikan Dzulkifli berkuat kuasa 4 Ogos lalu dan beliau menjalankan tugas rasmi sebagai pemegang kursi akademik ini di fakulti berkenaan.

"Kursi ini dinamakan atas nama Mohd Yassin sebagai menghargai ketokohan Allahyarham yang ketika hayatnya begitu progresif, proaktif serta memiliki jati diri memperjuangkan kepentingan agenda Melayu dan pembangunan Islam di Malaysia khususnya menerusi bidang pendidikan dan pentadbiran.

"Allahyarham adalah orang



alim yang warak, memiliki sifat ikhlas dan tawaduk serta menjadi contoh teladan kepada generasi kini. Pendirian dan sumbangan Mohd Yassin ini selari dengan gagasan kepimpinan kerajaan Malaysia pada masa kini," katanya di sini, semalam.

Dzulkifli kini Presiden, International Association of Universities yang berpangkalan di Paris, Perancis adalah juga Felo Akademi Sains Malaysia dan ahli World Academy of Art and Sciences.

Beliau juga kolumnis akhbar *The New Straits Times* sejak tahun 1995 dan banyak menulis mengenai pelbagai isu

penting berkaitan pendidikan, sains dan peristiwa semasa.

## Berpengalaman luas dalam dunia akademik

Yahya berkata, Dzulkifli berpengalaman luas dalam dunia akademik serta pentadbiran pengajian tinggi dalam dan luar negara.

"Kepemimpinan beliau tersemua ketika menerajui Universiti Sains Malaysia sebagai Naib Canselor selama 11 tahun dan berjaya meletakkan universiti itu berstatus APEX dan satu-satunya universiti awam di negara ini berstatus demikian," katanya.

Beliau percaya dengan pengalaman luas dalam bidang akademik dan penyelidikan berkaitan dengan gagasan kepimpinan dalam dunia pendidikan, ia mampu memberi impak positif kepada USIM dan dapat menyumbang kepada pembangunan ilmu kepimpinan Islam di samping menyalurkan dan memanfaatkan pemikirannya kepada komuniti global, khususnya masyarakat Islam. **BERNAMA**

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 7 OGOS 2014 (KHAMIS)**



## **USIM Lantik Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak Penyandang Kursi Kepimpinan Islam**

NILAI, 6 Ogos (Bernama) -- Tokoh akademik pengajian tinggi tersohor negara, Prof Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak dilantik sebagai penyandang kursi akademik Kepimpinan Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Kursi, yang ditubuhkan dengan kerjasama Yayasan Nurul Yaqeen yang membiayai dana kursi sebanyak RM500,000, dinamakan sebagai Kursi Mohd Yassin Muhammad iaitu ayahanda kepada Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Pengurus Yayasan Nurul Yaqeen.

Timbalan Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) USIM, Prof Madya Dr. Yahya Mohamed Ariffin berkata pelantikan Dzulkifli berkuat kuasa 4 Ogos lepas dan beliau telah menjalankan tugas rasmi sebagai pemegang kursi akademik ini di fakulti berkenaan.

"Kursi ini dinamakan atas nama Mohd Yassin sebagai menghargai ketokohan Allahyarham yang semasa hayatnya begitu progresif, proaktif serta memiliki jati diri memperjuangkan kepentingan agenda Melayu dan pembangunan Islam di Malaysia khususnya menerusi bidang pendidikan dan pentadbiran.

Allahyarham merupakan orang alim yang warak, memiliki sifat ikhlas dan tawaduk serta menjadi contoh teladan kepada generasi kini. Pendirian dan sumbangan Mohd Yassin ini selari dengan gagasan kepimpinan kerajaan Malaysia pada masa kini," katanya di sini, Rabu.

Dzulkifli kini merupakan Presiden, International Association of Universities yang berpangkalan di Paris, Perancis adalah juga **Felo Akademi Sains Malaysia** dan ahli World Academy of Art and Sciences.

Beliau juga merupakan kolumnis akhbar The New Straits Times sejak tahun 1995 dan banyak menulis mengenai pelbagai isu penting berkaitan pendidikan, sains dan peristiwa semasa.

Dr Yahya berkata Dzulkifli berpengalaman luas dalam dunia akademik serta pentadbiran pengajian tinggi dalam dan luar negara.

"Kepimpinan beliau terserlah semasa menerajui Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai Naib Canselor selama 11 tahun dan berjaya meletakkan universiti tersebut berstatus APEX dan satu-satunya universiti awam di negara ini berstatus demikian," katanya.

-- BERNAMA